Dapatkan Newsletter
Percuma›



# Dua beradik gagal hadir solat Jumaat diberi notis



SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA Follow

09 Oktober 2026 06:45pm
Masa membaca: 4 minit

Tambahkan pada Sumber Pilihan



Pegawai penguatkuasa membuat pemeriksaan ketika serbuan.

YAN - Dua beradik dari Kampung Sungai Daun Tengah di sini diberikan notis hadir ke pejabat agama untuk siasatan lanjut kerana dikesan gagal menunaikan sembahyang Jumaat.

Pegawai Agama Daerah Yan, Syeikh Mohd Ikmal Hafif Azmi berkata, kedua-duanya berusia 37 dan 23 tahun mengaku tidak sembahyang Jumaat ketika serbuan dilakukan anggota penguatkuasa agama hasil maklumat awam dan risikan.

Menurutnya, operasi pertama kali dilaksanakan di Kedah itu membabitkan keseluruhan 18 anggota penguatkuasa wanita, anggota polis wanita dan bantuan PPA lelaki yang hadir selepas selesai solat Jumaat.

> **"Selain menguatkuasakan undang-undang, kita juga nak menzahirkan pada masyarakat bahawa ia adalah satu kesalahan pada hukum syarak dan juga pada undang-undang negeri.**

"Selain itu, kita nak menyeru kepada semua orang Islam, khususnya di negeri Kedah, supaya mengutamakan syariat, takut pada syariat Allah, bukannya takut kepada undang-undang cuma undang-undang yang ada adalah untuk mendidik dan mengawal kita dalam melaksanakan tanggungjawab agama," katanya.



Dua beradik diberikan notis hadir ke pejabat agama untuk siasatan lanjut kerana tidak menunaikan sembahyang Jumaat.

Jelas beliau, sebelum ini tindakan dijalankan dalam bentuk peringatan dan pendekatan dakwah individu sahaja.

"Kali ini kita mengambil pendekatan undang-undang untuk mendorong masyarakat patuh pada perintah agama dan ia merupakan satu tanggungjawab pemerintah untuk memastikan masyarakat melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Muslim.

"Kita juga mengharapkan cakna orang ramai dari segi memberi maklumat dan juga memainkan peranan sendiri mengingatkan sesama masyarakat tentang keperluan tanggungjawab sebagai seorang Muslim," katanya.



Dua beradik dikesan tidak menunaikan sembahyang Jumaat.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 13 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Kedah 2014 iaitu kesalahan berkaitan tidak menunaikan sembahyang Jumaat.

Jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM1,000 atau enam bulan penjara atau kedua-duanya sekali.

# JPA mesti tambah hakim syariah - Zainul Rijal



Oleh Nurhanim Osman - Oktober 9, 2026 @ 9:37am




Hanya lima hakim Mahkamah Tinggi Syariah bertugas di Selangor dan setiap seorang mengendalikan kira-kira 1,000 kes setahun.

KUALA LUMPUR: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mesti memberi perhatian serius kepada keperluan menambah hakim Mahkamah Syariah yang jumlahnya sangat kritikal.

Keperluan mendesak itu bukan sekadar permohonan mengisi jawatan yang perlu bersaing dengan keperluan agensi lain untuk mendapatkan peruntukan.

Penasihat Peguam Muslim Malaysia (PPMM), Datuk Zainul Rijal Abu Bakar, berkata keperluan menambah hakim tidak wajar dilihat sebagai urusan pentadbiran biasa kerana itu berkait secara langsung dengan hak rakyat untuk mendapat keadilan dalam tempoh munasabah.

Beliau berkata, pendedahan BH baru-baru ini iaitu seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah mengendalikan kira-kira 1,000 kes setahun menunjukkan beban tugas yang sangat tinggi, lebih-lebih lagi tugas hakim bukan sekadar mendengar dan memutuskan kes.

"Dalam keadaan sebegini, persoalannya bukan hanya berapa banyak kes yang dapat diselesaikan, tetapi sama ada setiap kes mendapat penelitian yang secukupnya.

"Beban yang berlebihan berpotensi menjejaskan ketelitian dan kualiti penghakiman," katanya kepada BH.

Zainul Rijal berkata, mekanisme penghapusan jawatan lain atau 'trade-off' yang meletakkan penambahan hakim dalam persaingan mendapatkan peruntukan jawatan dengan agensi lain perlu dilihat semula apabila membabitkan institusi kehakiman.

"Hakim menjalankan fungsi kehakiman yang tidak boleh disamakan dengan keperluan pentadbiran biasa," katanya.

Sebelum ini, Ketua Hakim Syarie Selangor, Nenney Shuhaidah Shamsuddin, mendedahkan kepada BH kekurangan hakim Mahkamah Tinggi Syariah antara faktor menyebabkan ribuan kes membabitkan pasangan Islam di negeri itu, terutama tuntutan harta sepencarian dan hak penjagaan anak, tertunggak.

Nenney Shuhaidah dilapor berkata, ketika ini hanya lima hakim Mahkamah Tinggi Syariah bertugas di Selangor dan setiap seorang mengendalikan purata kira-kira 1,000 kes setahun.

Keadaan itu katanya, menyebabkan mahkamah berkenaan hanya mampu menyelesaikan kira-kira 70 peratus kes yang didaftarkan pada tahun semasa, manakala kira-kira 30 peratus lagi dibawa ke tahun berikutnya.

Bagi menangani isu berkenaan untuk jangka panjang, Selangor bakal menambah empat lagi jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, sekali gus meningkatkan jumlah hakim daripada lima kepada sembilan orang.

Zainul Rijal berkata, penambahan empat hakim berkenaan ialah perkembangan yang amat baik dan diharap dapat direalisasi segera.

Dalam perkembangan sama, Pengarah Kanan (Kehakiman) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Abu Suffian Abu Yaziz, sebelum ini berkata kepada BH beban hakim Mahkamah Syariah yang tinggi menyebabkan seorang hakim mengendalikan sehingga 20 hingga 30 kes sehari.

Abu Suffian berkata, keadaan itu mengehadkan jumlah perbicaraan yang dapat diberi tumpuan pada satu-satu masa dan antara sebab terdapat keperluan menambah bilangan hakim bagi mengendalikan keseluruhan kes di Mahkamah Syariah.

Mengulas perkara itu, Zainul Rijal berkata, beban mengendalikan 20 hingga 30 kes sehari sudah tentu memberi tekanan besar kepada hakim kerana kes Syariah membabitkan perkara yang mempunyai kesan langsung terhadap kehidupan individu dan keluarga.

"Kes Syariah bukan sekadar pertikaian teknikal. Ia membabitkan nafkah, perceraian, harta sepencarian, hadhanah dan masa depan anak-anak.

"Bagi seseorang yang menunggu nafkah atau keputusan mengenai hak penjagaan anak, setiap bulan yang berlalu mempunyai implikasi besar terhadap kehidupannya.

"Sebab itu, kita perlu memastikan usaha mengurangkan tunggakan tidak dilakukan dengan mengorbankan ketelitian dan kualiti penghakiman," katanya.

Beliau berkata, penyelesaian kes juga perlu mengambil kira sifat dan kerumitan setiap kes, bukannya semata-mata mengejar jumlah kes yang dapat diselesaikan.

"Contohnya, kes nafkah yang dipersetujui faktanya boleh diselesaikan lebih cepat, manakala kes yang dipertikai mungkin memerlukan keterangan saksi dan dokumen yang banyak.

"Yang penting ialah setiap kategori kes mempunyai sasaran tempoh penyelesaian yang munasabah, dan kes yang menyentuh keperluan asas seperti nafkah anak dan isteri diberi keutamaan," katanya.

Bagi memastikan pertambahan hakim benar-benar dapat mengurangkan beban mahkamah, katanya, kapasiti Mahkamah Syariah perlu diperkukuh secara menyeluruh dan bukan hanya menambah jawatan hakim.

"Tetapi pada masa sama perlu ditambah pegawai penyelidik, pendaftar dan pegawai sokongan serta kemudahan yang mencukupi.

"Kes yang sesuai pula boleh diperkasakan melalui sulh (perdamaian) dan mediasi, termasuk penyelesaian di luar mahkamah, supaya hakim dapat memberi tumpuan kepada kes yang benar-benar memerlukan perbicaraan," katanya.

Dalam masa sama, Zainul Rijal berkata, hakim perlu dibebaskan daripada tugasan pentadbiran yang boleh dipikul oleh pendaftar supaya mereka dapat menumpukan sepenuhnya kepada fungsi kehakiman.

"Selain itu, latihan berterusan juga perlu diberikan kepada hakim, termasuk latihan berkaitan kecerdasan buatan (AI), bagi membantu mereka melaksanakan tugas dengan lebih berkesan," katanya.

Beliau berkata, pada akhirnya ukuran kejayaan Mahkamah Syariah bukan hanya berdasarkan kepantasan menyelesaikan kes, sebaliknya turut merangkumi ketepatan, ketelitian dan kualiti keputusan yang dibuat.

# JAIS siasat dakwaan individu Islam lakukan ritual agama lain

Oleh Ruwaida Md Zain - Oktober 11, 2026 @ 7:45am




(Gambar fail) Pengarah JAIS, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad. - NSTP/FAIZ ANUAR

SHAH ALAM: Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sedang menyiasat dakwaan seorang individu beragama Islam melakukan ritual agama lain yang menyalahi hukum syarak sebagaimana paparan satu hantaran tular dalam media sosial.

Pengarah JAIS, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad, berkata siasatan dijalankan mengikut Seksyen 4 dan 10 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

"Ia membabitkan kesalahan melakukan perbuatan yang menunjukkan pemujaan dengan apa-apa cara menyalahi hukum syarak, dan juga kesalahan melakukan perbuatan yang menyebabkan agama Islam dipandang hina.

"Setakat ini, JAIS belum dapat mengesahkan perbuatan itu dilakukan oleh individu berkenaan ketika perayaan Thaipusam di Batu Caves, sebagaimana (dakwaan) yang ditularkan," katanya dalam satu kenyataan, tengah malam tadi.

Beliau berkata, JAIS juga tidak menolak kemungkinan hantaran itu membabitkan suntingan 'superimpose' atau kecerdasan buatan (AI).

"Justeru, beberapa fakta mengenai kes itu termasuk tempat kejadian, akan disiasat lebih teliti oleh JAIS dengan segera bagi mengenal pasti bidang kuasa jabatan ini untuk mengambil tindakan lanjut bawah undang-undang yang berkuat kuasa.

"JAIS memandang serius perkara menyentuh persoalan akidah umat Islam di Selangor, dan menegaskan setiap maklumat atau aduan akan disiasat serta diambil tindakan secara profesional, tegas, cepat, tepat dan adil," katanya.

# Guru hentikan hubungan di luar batas, patuh adab dan syariat Islam



Nazmi Yaakub - September 25, 2026 @ 8:22am




Gambar hiasan. - Foto NSTP

KITA dikejutkan dengan insiden hubungan terlarang pendidik dengan pelajar termasuk terbaru yang berlaku antara guru dengan pelajar lelaki di Serdang, baru-baru ini.

Meskipun, kes sebegini terpencil, ia tidak boleh dipandang ringan, sebaliknya golongan pendidik perlu diingatkan bukan sahaja terhadap undang-undang rogol statutori, sebaliknya agama itu sendiri.

Justeru dalam konteks guru dengan murid serta pelajar berlainan jantina yang bukan mahram, Islam menetapkan batas yang perlu dijaga. Hakikatnya, batasan ini bukan memutuskan hubungan guru dengan murid, sebaliknya memastikan proses ta'lim, tarbiah atau taadib berlangsung dalam lingkungan adab dan syarak.

Pertama, guru dan pelajar berlainan jantina tidak sepatutnya berada berdua-duaan di tempat tertutup atau keadaan yang memenuhi pengertian khalwat dalam konteks undang-undang syariah. Pertemuan individu, termasuk sesi kaunseling atau bimbingan akademik, sebaiknya dibuat di tempat terbuka, dapat dilihat orang lain atau dengan kehadiran pihak ketiga. Ini bersandarkan hadis larangan berdua-duaan membabitkan pasangan bukan mahram.

Kedua, menjaga pandangan. Kedua-dua guru dan pelajar diperintahkan menjaga pandangan daripada perkara yang dilarang. Prinsip itu ditetapkan seperti lelaki dan wanita beriman dalam Surah al-Nur ayat 30-31:

"Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang lelaki beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah Amat Mendalam Pengetahuan-Nya mengenai apa yang mereka kerjakan.

"Dan katakanlah kepada perempuan beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka atau bapa mereka atau bapa mentua mereka atau anak-anak mereka atau anak-anak tiri mereka atau saudara-saudara mereka atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan atau perempuan-perempuan Islam atau hamba-hamba mereka atau orang gaji dari orang lelaki yang sudah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi mengenai aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang beriman, supaya kamu berjaya."

Ketiga, menjaga aurat dan penampilan. Hubungan pendidikan tidak menggugurkan kewajipan menutup aurat. Pakaian dan penampilan hendaklah selaras dengan tuntutan syarak serta suasana pendidikan.

Sayidatina Aishah RA meriwayatkan Asma' Abu Bakar RA masuk menemui Rasulullah SAW dengan memakai pakaian nipis. Baginda berpaling daripadanya lalu bersabda: "Wahai Asma', sesungguhnya apabila seorang wanita sudah mencapai usia haid, tidak sepatutnya kelihatan daripadanya kecuali ini dan ini." Baginda kemudian mengisyaratkan kepada wajah dan kedua-dua tapak tangannya. (Hadis riwayat Abu Daud).

Keempat, tidak melakukan sentuhan fizikal tanpa keperluan dibenarkan syarak. Bersalaman, memeluk, menyentuh bahu atau bentuk sentuhan lain antara guru dengan pelajar bukan mahram tidak sepatutnya dianggap normal walaupun atas alasan 'seperti anak sendiri'.

Kelima, menjaga bahasa dan nada komunikasi. Percakapan hendaklah sesuai dengan hubungan guru dengan pelajar. Jangan sesekali melakukan gurauan berunsur seksual, romantik atau terlalu peribadi. Hakikatnya, Islam mengajar cara berbicara seperti panduan al-Quran terhadap isteri Rasulullah SAW.

Firman Allah SWT: "Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain kalau kamu tetap bertakwa. Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu), dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan)." (Al-Ahzab: 32)

Keenam, sebenarnya menjaga bahasa dan nada komunikasi bukan hanya ketika bersemuka, sebaliknya ia perlu juga dijaga secara dalam talian. Dengan kemajuan digital, tidak bermakna lelaki dan wanita termasuk guru dengan pelajarnya boleh berkomunikasi tanpa menghiraukan batas agama dan adab susila. Malah, beberapa etika juga perlu diamalkan termasuk tidak berbual mengenai isu peribadi berpanjangan pada lewat malam, berkongsi gambar peribadi atau membina hubungan rahsia..

Ketujuh, usah membina keintiman emosi melampaui hubungan pendidikan. Kita mengakui pelajar mungkin mengagumi gurunya, manakala guru terbaik pula sangat mengambil berat pelajar tetapi ia tidak boleh dibiarkan hingga menjadi tempat meluahkan perkara intim, pergantungan emosi atau hubungan eksklusif yang menyerupai pasangan.

Kelapan, usaha menyalahgunakan kedudukan dan autoriti. Guru mempunyai kuasa tertentu terhadap pelajar kerana ia dipertanggungjawabkan untuk memberikan markah dan menilai prestasi. Justeru, tanggungjawab menjaga sempadan lebih besar berada pada orang dewasa dan pemegang amanah pendidikan.

Kesembilan, pertemuan di luar sekolah perlu mempunyai tujuan jelas. Oleh itu, jika perlu bertemu untuk pertandingan, penyelidikan, latihan atau kegiatan kokurikulum, maka pastikan lokasi, masa dan tujuan sewajarnya jelas serta terutama bagi pelajar bawah umur, diketahui sekolah dan ibu bapa atau penjaga.

Kesepuluh, guru perlu menjaga daripada fitnah dan syubhah. Ada perkara yang mungkin pada asalnya harus, tetapi keadaan, tempat, masa atau bentuk hubungan boleh membuka ruang salah faham dan fitnah.

Kita boleh mengambil pengajaran daripada kisah Rasulullah SAW bersama isteri Baginda, Safiyyah Huyayy RA yang diriwayatkan Imam Bukhari dan Muslim. Ini kerana ketika Baginda sedang beriktikaf, Safiyyah datang menemuinya pada waktu malam dan Baginda mengiringinya pulang.

Dalam perjalanan pulang itu, dua lelaki Ansar melintas dan apabila melihat Rasulullah SAW, mereka mempercepat langkah. Baginda bersabda: "Perlahanlah kamu berdua. Sesungguhnya wanita ini ialah Safiyyah Huyayy." Mereka menjawab: "Subhanallah, wahai Rasulullah."

Baginda kemudian menjelaskan syaitan berjalan dalam diri manusia seperti perjalanan darah dan Baginda bimbang syaitan mencampakkan sesuatu ke dalam hati mereka.

Hadis itu mengingatkan umat Islam tidak membuka ruang kepada sangkaan buruk.

Semua 10 peringatan itu boleh menjadi panduan terutama kepada guru untuk menjaga hubungan dengan murid atau pelajar berlainan jantina. Hakikatnya, batas bukan penghalang kepada kasih sayang seorang pendidik, sebaliknya benteng menjaga amanah, maruah dan kemuliaan profesion perguruan.